

# SIARAN MEDIA

*Untuk Siaran Segera*



## **BANK ISLAM PERTINGKAT KESELAMATAN DALAM MENDEPANI PENINGKATAN PENIPUAN KEWANGAN**

*Lima langkah utama diperkenal untuk melindungi kepentingan kewangan pelanggan daripada aktiviti penipuan perbankan dalam talian tersedia sepenuhnya hari ini*

**KUALA LUMPUR, Selasa, [20 Jun 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) mengumumkan penyempurnaan pelaksanaan lima langkah utama memerangi penipuan kewangan menerusi pelbagai platform transaksi perbankan dalam talian dan mudah alih menerusi tiga peningkatan keselamatan baharu yang diperkenalkan hari ini.

Pelaksanaan langkah keselamatan itu dibuat lebih awal daripada tarikh akhir 30 Jun 2023 yang ditetapkan Bank Negara Malaysia (BNM) agar semua institusi kewangan mengambil tindakan untuk menangani peningkatan insiden penipuan berkaitan pembayaran yang berlaku di peringkat global dan domestik.

Pelanggan kini boleh melindungi sendiri dana yang dimiliki daripada penipuan dalam talian dan menyahaktifkan sementara akses ke akaun Perbankan Internet Bank Islam (IB), aplikasi perbankan GO by Bank Islam (GO) dan GO Biz by Bank Islam (GO Biz) mereka melalui ciri baharu **Kill Switch**. Elemen keselamatan baharu itu juga menyekat dengan segera semua transaksi keluar kad debit-i Bank Islam pelanggan.

Ciri *Kill Switch* tersedia pada kedua-dua aplikasi perbankan mudah alih dan IB, boleh diakses dengan mengklik butang *Kill Switch* yang terletak pada halaman utama Perbankan Internet Bank Islam. Sementara bagi pelanggan aplikasi mudah alih, mereka akan dibawa ke halaman utama *Kill Switch* menerusi laman pelayar peranti mereka sebaik sahaja butang *Kill Switch* diklik pada aplikasi GO atau GO Biz.

Bank Islam juga akan melaksanakan **Cooling-off Period** atau **Tempoh Bertenang** iaitu tempoh menunggu selama 12 jam untuk sebarang permohonan atau permintaan

baharu yang dibuat pada IB, GO dan GO Biz. Ciri keselamatan tambahan itu juga disediakan bagi pendaftaran kali pertama IB, GO and GO Biz, pendaftaran semula akaun dan permintaan kata laluan terlupa, perubahan dalam had transaksi, pemaotan akaun dan pengaktifan untuk pembelian dalam talian menggunakan Kad Debit-i Bank Islam.

Ciri ini akan berkuat kuasa serta-merta sebaik sahaja pelanggan membuat permintaan baharu pada tetapan platform perbankan dalam talian atau mudah alih mereka. Objektif utama kemudahan ini adalah untuk melindungi akaun pelanggan daripada individu yang cuba melakukan transaksi tanpa kebenaran. Tempoh bertenang ini memberikan masa tambahan kepada pelanggan untuk bertindak balas dengan sewajarnya apabila mereka menerima pemberitahuan segera atau e-mel mengenai pengubahsuaian yang dibuat pada akaun mereka.

Bank Islam juga telah bertukar sepenuhnya kepada sistem pengesahan berasaskan aplikasi, **GO Secure**, untuk meluluskan transaksi yang dimulakan pada IB dan GO hari ini. Urus niaga termasuk pemindahan dana dan pembayaran, perubahan maklumat peribadi dan tetapan akaun. Sistem keselamatan yang lebih mantap, dilaksanakan pada tahun 2020, ini menggantikan perkhidmatan Kod Akses-i (IAC) yang dihantar melalui SMS ke telefon mudah alih berdaftar pelanggan.

Sebelum ini, Bank Islam telah melaksanakan langkah keselamatan **Device-binding** atau **Pengikat-peranti** sejak GO diperkenalkan pada 2019.

Pengikat-peranti adalah proses pendaftaran satu peranti sebagai peranti yang dipercayai pelanggan untuk urusan perbankan. Setelah mendaftar, pelanggan dibenarkan mengakses GO atau GO Biz daripada peranti berkenaan. Bank Islam tidak membenarkan perkhidmatan perbankan mudah alih pada alat *rooted* atau *jailbroken*. Pelanggan mesti mendaftarkan peranti melalui akaun IB mereka selepas memuat turun GO atau GO Biz.

Bank Islam juga memperkenalkan **Fraud Hotline** atau **Talian Bantuan Penipuan** melalui Pusat Panggilan Bank pada 15 Disember 2022. Kemudahan yang disediakan sepanjang masa atau 24 jam, 7 hari seminggu ini membolehkan pelanggan melaporkan insiden penipuan atau aktiviti penipuan yang mungkin berlaku pada akaun mereka. Pelanggan boleh menghubungi talian 03-26 900 900 untuk membuat laporan atau pertanyaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Pihak Bank prihatin dengan cabaran emosi dan kewangan yang dihadapi pelanggan apabila mereka terkesan dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab. Kami akan terus memastikan saluran perbankan dan kaedah pembayaran Bank Islam kekal selamat dan dilengkapi dengan kawalan keselamatan terkini agar memberikan ketenangan fikiran kepada pelanggan."

Beliau menambah, "Sesetengah ciri keselamatan mungkin mengambil masa bagi pelanggan menyempurnakan transaksi mereka, namun, langkah-langkah ini perlu untuk meminimumkan kehilangan wang akibat tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab."

Bank Islam bukan sahaja mempertingkatkan ciri keselamatan pada platform pusat Bank Islam, malah turut menawarkan serta mengetatkan langkah keselamatannya pada perbankan digital natif awan sepenuhnya, Be U (disebut sebagai 'Be You').

"Be U mempunyai BeSafe iaitu protokol pengesahan untuk transaksi mudah alih. BeSafe menawarkan kaedah pengesahan yang selamat bagi mengurangkan risiko potensi penipuan," tambah Mohd Muazzam.

Bank Islam telah merekodkan sebanyak 1.79 juta pengguna aktif Perbankan Internet dan kira-kira 1.4 juta pengguna GO by Bank Islam. Bank Islam komited untuk memastikan keselamatan pelbagai platform perbankannya dan melindungi kepentingan pelanggan daripada aktiviti penipuan dengan memperkenalkan langkah-langkah keselamatan yang dipertingkatkan secara berperingkat.

Selain itu, mengambil kira kepentingan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang penipuan khasnya apabila *modus operandi* jenayah itu terus berkembang, Bank Islam komited untuk terus berusaha memperkukuhkan celik kewangan digital pelanggan dalam melindungi transaksi dalam talian mereka.

Bank Islam juga akan menggalakkan amalan perbankan yang baik dalam kalangan pelanggan, seperti menjaga keselamatan kad debit-i dan kredit-i mereka serta tidak berkongsi maklumat-maklumat perbankan penting dengan pihak ketiga, termasuk kata laluan dan PIN untuk transaksi ATM.

Bank Islam menyeru kepada para pelanggannya untuk tidak memuat turun atau mengklik pautan dan aplikasi yang mencurigakan, terutamanya apabila mereka menerima panggilan daripada pihak meragukan yang mendakwa mereka daripada agensi penguatkuasaan, Bank Pusat, atau institusi kewangan seperti Bank Islam.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)]**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)**